# PELAN **TINDAKAN** PELAN **ANTIRASUAH**

2023 | MBSP

www.mbsp.gov.my

# PELAN TINDAKAN PELAN ANTIRASUAH

2023 • MBSP

# ISI KANDUNGAN

AMANAT KEPIMPINAN
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI ........ 02

PERUTUSAN
SETIAUSAHA BANDARAYA ........ 03

PERNYATAAN KOMITMEN ........ 04

PELAN ANTIRASUAH MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP) 2021-2025
VISI, MISI, MATLAMAT, BIDANG KEUTAMAAN DAN STRATEGI ........ 05

PENCAPAIAN PELAN TINDAKAN
PELAN ANTIRASUAH MBSP TAHUN 2021 ........ 06

PENCAPAIAN PELAN TINDAKAN
PELAN ANTIRASUAH MBSP TAHUN 2022 ........ 07

PELAN TINDAKAN PELAN ANTIRASUAH
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI 2023 ........ 09

KESIMPULAN ........ 27

PENGHARGAAN ........ 28

# AMANAT KEPIMPINAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulilah dan setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya, Pelan Tindakan Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Seberang Perai Tahun 2023 telah berjaya dihasilkan.

Pembangunan Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Seberang Perai 2021-2025 yang telah dilancarkan pada 26 November 2020, matlamat utamanya adalah untuk memastikan Majlis Bandaraya Seberang Perai sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memerangi rasuah. Kewujudan pelan ini berperanan sebagai kawalan yang efektif kepada agenda integriti untuk memperkukuhkan identiti MBSP selaku Kerajaan Tempatan mentadbir urus Seberang Perai dan menjadi peneraju utama dalam agenda pembangunan secara kolektif.

Berkesinambungan dari Pelan Tindakan Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Seberang Perai Tahun 2022, adalah penting bagi MBSP untuk terus memastikan bahawa penglibatan dan peranan yang dimainkan adalah berkesan dan bersih dari anasir atau elemen salah laku dan pelanggaran undang-undang yang berkuatkuasa.

Saya mengharapkan agar konsep ABC (Amanah, Betul dan Cepat) sentiasa diamalkan dalam pelaksanaan Pelan Tindakan Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Seberang Perai Tahun 2023 ini dapat meningkatkan lagi budaya integriti, akauntabiliti, ketelusan dan kecekapan Jabatan dan warga MBSP agar Majlis Bandaraya Seberang Perai sentiasa bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan seterusnya dapat meningkatkan kepercayaan dan keyakinan masyarakat terhadap MBSP.

Sekian.




**YBHG. DATO' AZHAR BIN HJ ARSHAD**

**DATUK BANDAR**
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

# PERUTUSAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, Majlis Bandaraya Seberang Perai telah berjaya menghasilkan satu pelan tindakan khusus sebagai panduan dalam pemerkasakan integriti dan governans secara inklusif dan bersepadu. Pelan Tindakan Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Seberang Perai Tahun 2023 dibangunkan dengan mengambil kira keperluan untuk membentuk budaya dan sistem yang berteraskan governans dan integriti terutamanya dalam memberi perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada masyarakat.

Sebanyak 58 aktiviti telah dirangka untuk dilaksanakan oleh pelbagai Jabatan/Bahagian/Unit yang telah dikenalpasti sebagai peneraju berdasarkan bidang keutamaan masing-masing dengan keperluan masa kini bagi memastikan aktiviti-aktiviti yang telah dipersetujui dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Adalah menjadi harapan saya Pelan Tindakan Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Seberang Perai Tahun 2023 ini mendapat sokongan semua pihak agar dapat membentuk organisasi yang bebas rasuah dengan warganya membudayakan elemen ketelusan, akauntabiliti dan integriti.

Saya juga menyeru semua warga Majlis Bandaraya Seberang Perai menyemai iltizam tinggi untuk memastikan setiap dalam diri kita mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh seterusnya dapat membendung salah laku jenayah, salah guna kuasa serta pelanggaran tatakelakuan.

Sekian.




**TUAN HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID**

**SETIAUSAHA BANDARAYA**
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

# PERNYATAAN KOMITMEN

Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) 2021-2025 telah menetapkan empat (4) strategi utama untuk dilaksanakan. Strategi tersebut adalah:

1) Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam
2) Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam
3) Menginstitusikan Kreadibiliti Penguatkuasaan Undang-Undang
4) Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam MBSP

Pelan Tindakan Pelan Antirasuah MBSP 2023 ini adalah hasil daripada perbincangan yang dijalankan di peringkat MBSP melibatkan pelbagai Jabatan/Bahagian/Unit untuk membangunkan pelan yang lengkap meliputi semua aspek yang berkait rapat dengan MBSP. Pelan ini diharapkan mampu mengatasi kelemahan integriti dan tadbir urus dalam MBSP.

Kerjasama semua pihak yang terlibat amatlah diharapkan agar Pelan Tindakan Pelan Antirasuah MBSP Tahun 2023 ini dapat memberi impak kepada budaya kerja lebih berintegriti seterusnya mendokong aspirasi Kerajaan Tempatan untuk mencapai Misi MBSP Bebas Rasuah menjadi realiti.



# PELAN ANTIRASUAH

## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP) 2021-2025

### MISI
Menjadikan MBSP Bebas Rasuah

### VISI
Seberang Perai *Resilient*, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi




### MATLAMAT
Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan & Akauntabiliti

### STRATEGI
1. Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam
2. Mempertingkatkan Keberkesanan & Ketelusan Perolehan Awam
3. Menginstitusikan Kreadibitliti Penguatkuasaan Undang-Undang
4. Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam MBSP

### BIDANG KEUTAMAAN
1. Pentadbiran Sektor Awam
2. Perolehan Awam
3. Penguatkuasaan Undang-undang
4. Tadbir Urus Terbaik

# PENCAPAIAN PELAN TINDAKAN PELAN ANTIRASUAH MBSP TAHUN 2021






STARMETRO, TUESDAY 1 DECEMBER 2020

Rosnani (centre) leading council representatives in swearing an oath against corruption during the launch of Integrity Month. – Photo provided by MBSP.

## Preserving its clean image

### Council launches anti-corruption plan and Integrity Month

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

AIN a move to preserve its image and integrity, the Seberang Prai City Council (MBSP) has launched a five-year anti-corruption plan.

Dubbed the 'Seberang Prai City Council Anti-Corruption Plan 2021-2025', the programme was formulated in line with the 2019 National Anti-Corruption Plan.

Council mayor Datuk Rozali Mohamud said the council's plan consisted of four main strategies and 46 initiatives that would be carried out in five years.

"We hope that this plan will help the people of Seberang Prai realise their aspirations to fight corruption," he said when launching the plan at council headquarters in Bandar Perda on Friday.

"Our aim is also to strengthen the efficiency of the public sector and enhance the effectiveness and transparency of public procurement and the credibility of law enforcement.

"We wish to cultivate good governance within MBSP.

"This anti-corruption plan shows our commitment in fighting corruption, misuse of power and other forms of bribery," said Rozali.

Rozali further said he hoped that within these five years, the council would become corruption-free.

During the ceremony, the council also launched its Integrity Month.

Also present was council secretary Rosnani Mahmod.



# PENCAPAIAN PELAN TINDAKAN PELAN ANTIRASUAH MBSP TAHUN 2022






STARMETRO, TUESDAY 7 DECEMBER 2021

## Aiming for zero corruption

### Council starts eight initiatives to promote transparency

By M. SIVANANTHA SHARMA
north@thestar.com.my

SEBERANG Prai City Council (MBSP) aims to be a local authority which shows integrity and transparency through eight initiatives.

Council mayor Datuk Rozali Mohamud said the end target was zero corruption.

"The desired or reserve prices for all projects tendered will no longer be kept secret as one of the initiatives," he stressed.

He said the move was taken to promote integrity among council staff members and Seberang Prai residents.

Rozali was speaking to reporters after launching the MBSP Anti-Corruption Action Plan in conjunction with the Integrity Month celebration by the city council in Bandar Perda, Bukit Mertajam, recently.

Also present were council acting secretary Baderul Amin Abdul Hamid along with several councillors and heads of departments.

Rozali said under the MBSP Anti-Corruption Plan 2021-2025, every year would see an anti-corruption action plan to resolve issues faced along the way.

"As we will no longer be keeping the reserve prices secret, all parties who want to bid for tenders under MBSP can access all information.

"This will prevent corrupt practices including the 'sale' of tender information," he added.

The council will pay serious attention to ethical management among MBSP employees at every level to enhance integrity and fight corruption, abuse of power, malpractices and breach of trust.

As an outcome of these efforts, the council received only four cases last year and three cases this year involving corruption and misconduct.

The MBSP Integrity Month celebration saw council personnel renewing their pledges to remain highly committed and responsible in carrying out their duties.

Rozali (white red tie) and council staff at the launch of the MBSP Anti-Corruption Action Plan.





# S01

## MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

# PELAN TINDAKAN PELAN ANTIRASUAH

## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BAGI TAHUN 2023

| KOD STRATEGI | BIDANG KEUTAMAAN | 2023 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PELAN TINDAKAN | | | | | |
| | | OBJEKTIF STRATEGIK | PROGRAM | AKTIVITI | *KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)* | *OUTCOME* | JABATAN PENERAJU |
| **S01 Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam** | **Pentadbiran Sektor Awam** | **1.1 Merekayasa Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Baik** | Taklimat berkenaan Perlindungan Pemberi Maklumat / *Whistleblower Policy* | Taklimat Perlindungan Pemberi Maklumat *(Whistleblower)* kepada kakitangan Kumpulan Sokongan 1 (Gred 29-40) | Dua (2) kali dalam setahun | Pegawai dapat mengemukakan maklumat berkaitan salah kuasa / rasuah melalui saluran yang betul beserta maklumat lengkap | Khidmat Pengurusan |
| | | | Hebahan internet/website MBSP berkaitan Perlindungan Pemberi Maklumat *(Whistleblower)* | Hebahan internet / website berkaitan Perlindungan Pemberi Maklumat *(Whistleblower)* kepada semua Kakitangan, Pegawai MBSP di intranet dan orang awam di website rasmi MBSP | Enam (6) bulan sekali | Pegawai MBSP dan orang awam mendapat maklumat cara / saluran membuat aduan yang betul berkaitan salah guna kuasa / rasuah serta mendapat perlindungan kepada pemberi maklumat iaitu melibatkan maklumat sulit Pemberi Maklumat setelah membuat pendedahan kepada MBSP | Unit Integriti |
| | | | Mengadakan taklimat mengenai Akta SPRM 2009 | Taklimat *'No Gift Policy'* di bawah Akta SPRM 2009 kepada Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional | Satu (1) kali dalam setahun | Peserta memahami maksud *'No Gift Policy'*, rasuah, integriti dan salahguna kuasa di dalam perkhidmatan awam | Khidmat Pengurusan |

| KOD STRATEGI | BIDANG KEUTAMAAN | 2023 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PELAN TINDAKAN | | | | | |
| | | OBJEKTIF STRATEGIK | PROGRAM | AKTIVITI | *KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)* | *OUTCOME* | JABATAN PENERAJU |
| **S01 Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam** | **Pentadbiran Sektor Awam** | **1.1 Merekayasa Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Baik** | Hebahan *internet / website* MBSP berkaitan Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah *(No Gift Policy)* | Hebahan internet berkaitan Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah *(No Gift Policy)* kepada semua Kakitangan, Pegawai di intranet dan pihak-pihak yang berurusan dengan MBSP di web rasmi MBSP | Enam (6) bulan sekali | Sebagai rujukan dan makluman mengenai Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah *(No Gift Policy)* di kalangan Kakitangan dan Pegawai MBSP dan pihak-pihak yang berurusan dengan MBSP | Unit Integriti |
| | | | Mewujudkan inisiatif untuk menggalakkan dan menguruskan nilai baik di tempat kerja berteraskan integriti, akauntabiliti dan kecekapan dalam sektor awam | Pelaksanaan Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0) | Pengauditan nilai tahun 2023 (Januari hingga Disember)<br>i. Maklum Balas Pelanggan<br>ii. Rekod Amalan Nilai<br>iii. Nilai Ideal,Peribadi dan Organisasi | Membangunkan strategi, meningkatkan amalan dan penghayatan nilai murni di MBSP | Unit Integriti |
| | | | Membangunkan kit pengurusan yang merangkumi aspek Peraturan Tatatertib, Kewangan, Sumber Manusia dan Pengurusan secara am | Membuat pemantauan dan penambahbaikan Kit Pengurusan Sumber Manusia di Intranet MBSP, bahagian Makluman Kakitangan | Enam (6) bulan sekali | Semua kakitangan MBSP dapat menjadikan Kit Pengurusan sebagai bahan rujukan | Khidmat Pengurusan |
| | | **1.2 Menggalakkan Merit Dan Integriti Dalam Proses Pengambilan, Pemilihan Dan Pelantikan** | Memperkukuhkan proses tapisan integriti dalam proses pengambilan kakitangan baru | Membuat tapisan integriti yang lebih efisen | Tapisan integriti (Ujian Integriti) ke atas calon temuduga jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) | Kakitangan baru yang dilantik berintegriti | Khidmat Pengurusan |

| KOD STRATEGI | BIDANG KEUTAMAAN | 2023 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PELAN TINDAKAN | | | | | |
| | | OBJEKTIF STRATEGIK | PROGRAM | AKTIVITI | *KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)* | *OUTCOME* | JABATAN PERANAJU |
| **S01 Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam** | **Pentadbiran Sektor Awam** | **1.2 Menggalakkan Merit Dan Integriti Dalam Proses Pengambilan, Pemilihan Dan Pelantikan** | Memperkenalkan mekanisme tapisan integriti | Menyediakan 20 soalan tapisan integriti | Setahun sekali | Pelaksanaan ujian integriti dalam proses tapisan pengambilan kakitangan baru mampu melahirkan pegawai yang berintegriti | Unit Integriti |
| | | | Menambahbaik proses kenaikan pangkat sedia ada dengan mengambil kira elemen integriti sebagai prasyarat | Panel temuduga menekankan soal integriti dalam proses temuduga terhadap calon-calon | Semua proses kenaikan pangkat yang dijalankan bermula tahun 2023 | Lantikan kenaikan pangkat terdiri daripada calon-calon yang mempunyai pengetahuan dan berintegriti tinggi | Khidmat Pengurusan |
| | | | Pelaksanaan *Integrity Pact* bagi ahli Jawatankuasa Temuduga | Mewajibkan ahli Jawatankuasa Temuduga menandatangani *Integrity Pack* | Satu (1) tahun sekali | Memastikan proses temuduga telus dan tiada unsur rasuah | Khidmat Pengurusan |
| | | **1.3 Menambahbaik Keberkesanan Pendidikan Dan Pembangunan Profesionalisme Berterusan Dalam Kalangan Pegawai Dan Kakitangan** | Melaksanakan program Pembangunan Professionalisme Berterusan (cpd) yang melibatkan aspek generik dan fungsional | Mengenalpasti pegawai bagi menghadiri kursus / latihan kompetensi yang berkaitan bidang tugas pegawai | Seorang (1) pegawai kakitangan diiktiraf sebagai orang yang berkebolehan dalam bidang tertentu | Pegawai dapat mengaplikasi kompetensi yang diiktiraf bagi meningkatkan kepelbagaian keupayaan tenaga kerja di jabatan dan MBSP | Khidmat Pengurusan |
| | | | Pengiktirafan dan pemberian anugerah kepada pegawai yang menunjukkan peningkatan prestasi | i. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang<br>ii. Pekerja Contoh (Sambutan Hari Bandaraya) | Setahun sekali | Memberi impak pada nilai budaya kerja yang lebih baik dan galakan kepada pekerja untuk terus cemerlang dan berusaha lebih gigih | Khidmat Pengurusan |

| KOD STRATEGI | BIDANG KEUTAMAAN | 2023 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PELAN TINDAKAN | | | | | |
| | | OBJEKTIF STRATEGIK | PROGRAM | AKTIVITI | *KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)* | *OUTCOME* | JABATAN PENERAJU |
| **S01 Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam** | **Pentadbiran Sektor Awam** | **1.3 Menambahbaik Keberkesanan Pendidikan Dan Pembangunan Profesionalisme Berterusan Dalam Kalangan Pegawai Dan Kakitangan** | Melaksanakan program kesedaran pengurusan modal insan seperti kursus/ seminar dalam aspek governans, integriti dan antirasuah | Taklimat Rasuah Dan Integriti kepada kakitangan MBSP | Lima (5) kali dalam setahun | Membudayakan amalan kerja yang baik disamping mengekang gejala rasuah, integriti dan salah guna kuasa di kalangan penjawat awam | Khidmat Pengurusan |
| | | | Memberi elemen integriti dan nilai insan (tadbir urus insan) dalam Program Transformasi Minda (PTM) dan lain-lain program induksi kakitangan | Modul Tatacara Pengurusan Perolehan Dan Aset dalam Program Transformasi Minda | Program Transformasi Minda diadakan satu (1) kali dalam setahun | Membudayakan budaya kerja yang baik dalam memenuhi hasrat kerajaan dalam membangunkan modal insan secara berterusan dalam sektor awam | Khidmat Pengurusan |







# S02

## MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM

PENANG 2030

SEBERANG PERAI
ASPIRASI BANDAR MASA HADAPAN

| KOD STRATEGI | BIDANG KEUTAMAAN | 2023 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PELAN TINDAKAN | | | | | |
| | | OBJEKTIF STRATEGIK | PROGRAM | AKTIVITI | *KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)* | *OUTCOME* | JABATAN PENERAJU |
| **S02 Mempertingkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Perolehan Awam** | **Perolehan Awam** | **2.1 Memperkukuhkan Kerangka Perolehan Awam** | Mengadakan semakan dalaman bagi mengenalpasti kelemahan dan pelanggaran tatacara kewangan serta perolehan melalui kaedah semakan silang antara jabatan / bahagian | Menyemak dokumen bayaran yang dihantar oleh jabatan agar mengikut prosedur & tatacara kewangan yang telah ditetapkan | Memastikan semua tuntutan bayaran yang dibuat mematuhi tatacara kewangan dan perolehan | Semua Jabatan mengikut prosedur & tatacara kewangan dalam membuat bayaran kepada pembekal/ kontraktor | Perbendaharaan |
| | | | | Melaksanakan audit Pengurusan Kewangan Berdasarkan Akauntabiliti Indeks secara *self-auditing* dilaksanakan | Satu (1) kali audit Pengurusan Kewangan Berdasarkan Akauntabiliti Indeks dilaksanakan | Untuk memastikan Jabatan melaksanakan pengurusan kewangan termasuk perolehan mengikut undang-undang dan peraturan yang diguna pakai/ berkuatkuasa | Unit Audit Dalam |
| | | | Menjadikan kursus kewangan dan perolehan, integriti serta etika kerja kursus wajib ke atas semua pegawai baru | Modul Tatacara Pengurusan Perolehan Dan Aset dalam Program Transformasi Minda | Program Transformasi Minda diadakan satu (1) kali dalam setahun | Memastikan setiap aktiviti perolehan yang dibuat oleh jabatan terutamanya pegawai lantikan baru adalah mematuhi Pekeliling, Arahan Perbendaharaan dan Surat Arahan semasa yang berkuatkuasa | Khidmat Pengurusan |
| | | | Memperkukuhkan pelaksanaan *integrity pact* berkenaan pengendalian dan kawalan maklumat rahsia | *Integriti Pact* kepada pegawai yang menguruskan dokumen terperingkat | Mengeluarkan Integrity Pack pada tahun 2023 | Memastikan dokumen terperingkat dilindungi | Khidmat Pengurusan |

| KOD STRATEGI | BIDANG KEUTAMAAN | 2023 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PELAN TINDAKAN | | | | | |
| | | OBJEKTIF STRATEGIK | PROGRAM | AKTIVITI | *KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)* | *OUTCOME* | JABATAN PENERAJU |
| **S02 Mempertingkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Perolehan Awam** | Perolehan Awam | **2.1 Memperkukuhkan Kerangka Perolehan Awam** | Mengenalpasti pegawai yang berisiko dan melaksanakan perisytiharan harta | Memastikan perisytiharan harta sentiasa dikemaskini oleh setiap pegawai<br>i. Lantikan baru<br>ii. Tempoh melebihi lima (5) tahun | Satu (1) tahun sekali | Pentadbiran dapat memantau pemilikan harta pegawai dan memastikan semua pegawai telah membuat perisytiharan harta mengikut tempoh yang ditetapkan | Unit Integriti |
| | | | Mengadakan program pembangunan kemahiran pengurusan perolehan bagi meningkatkan kefahaman dan kompetensi pengurusan perolehan dikalangan pegawai | Kursus Perolehan | Satu (1) kali dalam setahun kepada kakitangan MBSP | Memastikan perolehan bagi setiap Bekalan/ Kerja/ Perkhidmatan adalah mematuhi keperluan dan prosedur dalam perolehan kerajaan | Khidmat Pengurusan |
| | | | Membuat pusingan pegawai yang menganggotai jawatankuasa pembuka tender dan penilaian tender / sebutharga | Sediakan jadual | Pegawai berbeza bagi setiap jawatankuasa pembuka tender / sebutharga | Jawatankuasa pembuka tender lebih telus dan berintegriti | Khidmat Pengurusan |
| | | **2.2 Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran Dan Anti Persaingan** | Memperkenalkan mekanisme yang lebih telus dalam mencegah kebocoran maklumat dalam proses perolehan | Mengeluarkan tender secara RFP | Membangunkan Sistem Perolehan | Sistem siap 50% | Khidmat Pengurusan |

| KOD STRATEGI | BIDANG KEUTAMAAN | 2023 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PELAN TINDAKAN | | | | | |
| | | OBJEKTIF STRATEGIK | PROGRAM | AKTIVITI | *KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)* | *OUTCOME* | JABATAN PENERAJU |
| **S02 Mempertingkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Perolehan Awam** | Perolehan Awam | **2.2 Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran Dan Anti Persaingan** | Memastikan klausa *standard* dalam perjanjian untuk melindungi kepentingan MBSP | Sesi perbincangan berkaitan klausa-klausa baru kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan penyediaan perjanjian | Memberikan pendedahan berkaitan klausa standard yang ada dalam sesuatu perjanjian sebelum ditandatangani | Melindungi kepentingan MBSP dalam perolehan awam | Undang-undang |
| | | | Memperkenalkan mekanisme saluran aduan berkaitan perolehan untuk pihak yang tidak berpuas hati | Memantau hebahan maklumat *Whistleblower* di web MBSP dan intranet | Enam (6) bulan sekali | Kakitangan MBSP lebih memahami dan tahu cara untuk menyalurkan aduan dengan betul berkaitan perolehan, rasuah, sogokan dan salah gunakuasa | Unit Integriti |

# S03

## MENGINSTITUSIKAN KREDIBILITI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

| KOD STRATEGI | BIDANG KEUTAMAAN | 2023 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PELAN TINDAKAN | | | | | |
| | | OBJEKTIF STRATEGIK | PROGRAM | AKTIVITI | *KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)* | *OUTCOME* | JABATAN PENERAJU |
| **S03 Menginstitusikan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-Undang** | **Penguatkuasaan Undang-Undang** | **3.1 Meningkatkan Kecekapan Dan Pengamalan Professional Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang** | Mengukuhkan mekanisme dalam menguatkuasa penyediaan Laporan Siasatan yang berkualiti | Penyediaan *"check-list"* bagi laporan siasatan yang lengkap | Pengurusan kes di Mahkamah dapat berjalan dengan lancar dan teratur setelah jabatan menyediakan kursus/taklimat berkaitan siasatan yang berkualiti | Maklumat laporan siasatan yang dikemukakan lengkap dan teratur | Undang-undang |
| | | | Mengadakan kursus kesedaran Akta Rahsia Rasmi 1972 | Taklimat Akta Rahsia Rasmi 1972 | Satu (1) kali dalam setahun kepada kakitangan MBSP | Peserta dapat memahami keperluan dalam Akta Rahsia Rasmi dan dapat mengklasifikasikan dokumen terperingkat | Khidmat Pengurusan |
| | | | Membangunkan pengkalan data berpusat untuk maklumat pendaftaran kertas siasatan dan perkembangan siasatan kes | Mengemaskini maklumat pendaftaran kertas siasatan | Menyediakan maklumat pendaftaran kertas siasatan | Pengurusan maklumat pendaftaran kertas siasatan lebih teratur dan mudah di akses | Undang-undang |
| | | | Mewujudkan bahan rujukan sebagai panduan penyelesaian kes | Memuatnaik kes-kes, laporan atau ulasan perundangan dalam laman rasmi Jabatan Undang-Undang | Menyediakan 12 kes atau laporan atau ulasan perundangan setahun | Sebagai rujukan pegawai dan kakitangan | Undang-undang |
| | | | | Penyelesaian kes secara total melibatkan satu (1) kes di daerah SPT | Satu (1) bahan rujukan kes disediakan | Menjadi panduan untuk rujukan lain-lain jabatan | Direktorat Penguatkuasaan |

| KOD STRATEGI | BIDANG KEUTAMAAN | 2023 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PELAN TINDAKAN | | | | | |
| | | OBJEKTIF STRATEGIK | PROGRAM | AKTIVITI | *KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)* | *OUTCOME* | JABATAN PENERAJU |
| **S03 Menginstitusikan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-Undang** | **Penguatkuasaan Undang-Undang** | **3.2 Memperkukuhkan Penguatkuasa Undang-Undang** | Mengambil tindakan punitif ke atas pelanggaran undang-undang | Penyediaan arahan awam | Satu (1) tindakan penguatkuasaan ke atas pelanggaran arahan awam | Mewujudkan kesedaran berkaitan tindakan pelanggaran Undang-Undang | Direktorat Penguatkuasaan |
| | | | Penguatkuasaan Undang-Undang untuk memeriksa kenderaan sampah | Operasi SJR bersama PDRM, JPJ, BKK, Jab Kejuruteraan, Direktorat Penguatkuasaan | Operasi SJR Pemeriksaan Kenderaan Berat/ Sampah haram dijalankan satu (1) kali sebulan | Memastikan / membanteras pembuangan sampah / sisa binaan di tempat - tempat yang tidak dibenarkan | Bahagian Keselamatan Komuniti (BKK) |
| | | | | Pemantauan dan pemeriksaan ke atas lori-lori yang tiada permit | Menjalankan pemantauan dan pemeriksaan ke atas lori-lori yang membawa sampah yang disyaki tiada permit dua (2) kali sebulan | Memastikan lori mempunyai permit yang sah dan membuang sampah ditempat yang ditetapkan | Perkhidmatan Perbandaran |
| | | | Penambahbaikan *Prosedur Operasi Standard* (SOP) dalam urusan pemeriksaan berkala ke atas pemeriksaan premis | Penambahbaikan kepada SOP pengeluaran Notis Binaan Tanpa Kebenaran | Memperkasakan kaedah pengeluaran Notis Binaan Tanpa kebenaran Jabatan Bangunan | Tindakan yang lebih efektif terhadap pengesanan Binaan Tanpa Kebenaran dengan lebih telus berdasarkan kepada kaedah Semak dan Imbang *("Check & Balance")* | Bangunan |
| | | | | SOP sediada disemak semula sekurang-kurangnya satu (1) kali setiap dua(2) tahun | Semakan semula kesesuaian SOP sediada dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setiap dua (2) tahun | SOPJabatan Penilaian dalam urusan pemeriksaan berkala ke atas pemeriksaan premis sentiasa dikemaskini dan ditambahbaik | Penilaian dan Pengurusan Harta |

| KOD STRATEGI | BIDANG KEUTAMAAN | 2023 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PELAN TINDAKAN | | | | | |
| | | OBJEKTIF STRATEGIK | PROGRAM | AKTIVITI | *KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)* | *OUTCOME* | JABATAN PENERAJU |
| **S03 Menginstitusikan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-Undang** | **Penguatkuasaan Undang-Undang** | **3.2 Memperkukuhkan Penguatkuasa Undang-Undang** | Penambahbaikan *Prosedur Operasi Standard* (SOP) dalam urusan pemeriksaan berkala ke atas pemeriksaan premis | SOP sediada disemak semula sekurang-kurangnya satu (1) kali dalam setahun | Semakan semula SOP setiap satu (1) tahun | Penambahbaikan SOP sedia ada | Perancang Bandar |
| | | | | Membuat semakan SOP Jabatan setiap tahun | Semakan semula SOP sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun | SOP sedia ada ditambahbaik dan diperkemaskan | Pelesenan |
| | | | | Mengadakan Bengkel /Sessi Perbincangan untuk mengemaskini SOP | Mengemaskini semua SOP/ Prosidur sedia ada berdasarkan Undang-Undang/ Enakmen yang sedia ada | Semua SOP/Prosidur dikemaskini sebelum 31/12/2023 | Perkhidmatan Kesihatan |
| | | | | Penambahbaikan kepada SOP penguatkuasaan kerja tanah di seberang perai | Satu (1) SOP penguatkuasaan kerja tanah ditambahbaik | Tindakan yang lebih efektif terhadap penguatkuasaan kerja tanah | Kejuruteraan |
| | | | Mengukuhkan mekanisme dalam menguatkuasakan pematuhan ke atas semua Garis Panduan yang diluluskan oleh MBSP | Taklimat / bengkel garis panduan kepada semua kakitangan terlibat | Menggunapakai garis panduan dalam pertimbangan Permohonan Kebenaran Merancang (PKM), dan disyaratkan dalam pelan pembangunan | Semua garis panduan yang diluluskan digunapakai dan difahami oleh semua kakitangan | Perancang Bandar |

| KOD STRATEGI | BIDANG KEUTAMAAN | 2023 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PELAN TINDAKAN | | | | | |
| | | OBJEKTIF STRATEGIK | PROGRAM | AKTIVITI | *KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)* | *OUTCOME* | JABATAN PENERAJU |
| **S03 Menginstitusikan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-Undang** | **Penguatkuasaan Undang-Undang** | **3.2 Memperkukuhkan Penguatkuasa Undang-Undang** | Mengukuhkan mekanisme dalam menguatkuasakan pematuhan ke atas semua Garis Panduan yang diluluskan oleh MBSP | 1. Muat naik garis panduan yang telah diluluskan ke dalam Laman Web untuk perkongsian dengan *stakeholders* / kakitangan Jabatan<br>2. Taklimat kepada semua kakitangan yang terlibat | Mengunapakai garis panduan yang diluluskan dalam mempertimbangkan permohonan melibatkan bangunan | Semua garis panduan yang diluluskan digunapakai dan difahami oleh semua kakitangan | Bangunan |
| | | | | Menjalankan sesi taklimat kepada kakitangan jabatan berkaitan garis panduan yang telah diluluskan | Semua kakitangan Jabatan Pelesenan menghadiri sesi taklimat | Kakitangan jabatan mendapat maklum tentang garis panduan jabatan dan melaksanakan tugas mengikut ketetapan garis panduan | Pelesenan |
| | | | | Mengadakan sesi penerangan kepada kakitangan terlibat berkaitan Garis Panduan Yang berkaitan Jabatan | Mengadakan dua (2) sesi penerangan kepada kakitangan terlibat berkaitan Garis Panduan Yang berkaitan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan | Semua kakitangan mendapat penerangan berkaitan Garis Panduan yang berkaitan Jabatan | Perkhidmatan Kesihatan |
| | | | Membentuk mekanisme yang kukuh dan efektif dalam proses pengeluaran permit dan lesen | Menyediakan sistem pelesenan baru yang lebih terkini dan mudah | Satu (1) sistem pelesenan baru yang lebih efektif dibangunkan | Mempermudahkan proses permohonan dan mempercepatkan pengeluaran permit dan lesen MBSP | Pelesenan |








MAJLIS




PELESENAN







# S04

## MEMUPUK TADBIR URUS BAIK DALAM MBSP

| KOD STRATEGI | BIDANG KEUTAMAAN | 2023 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PELAN TINDAKAN | | | | | |
| | | OBJEKTIF STRATEGIK | PROGRAM | AKTIVITI | *KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)* | *OUTCOME* | JABATAN PENERAJU |
| **S04 Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam MBSP** | **Tadbir Urus** | **4.1 Memastikan Pengamalan Ketelusan Dalam MBSP** | Melaksanakan pusingan kerja bagi jawatan sensitif | Mengkaji serta melihat keperluan penyusunan semula pegawai di setiap Unit berdasarkan beban tugas serta perjawatan sedia ada | Pegawai yang telah bertugas melebihi lima (5) tahun di setiap unit | i. Peningkatan kemahiran bagi pegawai yang telah bertugas melebihi lima (5) tahun di setiap unit<br>ii. Mengurang salah guna kuasa, monopoli kuasa dan kuasa budi bicara yang luas di kalangan pegawai yang telah lama berkhidmat di unit yang sama | Khidmat Pengurusan |
| | | | Meneliti dan menambahbaik *Prosedur Operasi Standard* (SOP) sedia ada melalui sesi libat urus dengan pihak berkaitan | Menyemak SOP yang melibatkan pihak berkaitan | Penambahbaikan satu (1) SOP setiap tahun | Proses kerja lebih telus | Pesuruhjaya Bangunan (COB) |
| | | | | Mengadakan sesi taklimat kepada kakitangan OSC berkaitan Garis Panduan Yang berkaitan OSC | Semua kakitangan Unit OSC | Semua kakitangan mendapat taklimat berkaitan Garis Panduan yang berkaitan Jabatan | *One Stop Center* (OSC) |
| | | | | Mengadakan perbincangan antara Pengarah dan kakitangan Jabatan dalam menyemak semula *Prosedur Operasi Standard* (SOP) yang sedia ada | Menambahbaik *Prosedur Operasi Standard* (SOP) yang sedia ada | Menyemak semula *Prosedur Operasi Standard* (SOP) yang sedia ada dapat mengurangkan ketirisan dalam ketulusan sesuatu urusan | Kemasyarakatan |

| KOD STRATEGI | BIDANG KEUTAMAAN | 2023 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PELAN TINDAKAN | | | | | |
| | | OBJEKTIF STRATEGIK | PROGRAM | AKTIVITI | *KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)* | *OUTCOME* | JABATAN PERENAJU |
| **S04 Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam MBSP** | **Tadbir Urus** | **4.1 Memastikan Pengamalan Ketelusan Dalam MBSP** | Meneliti dan menambahbaik *Prosedur Operasi Standard* (SOP) sedia ada melalui sesi libat urus dengan pihak berkaitan | Mengadakan sesi perbincangan/ taklimat/ panduan kepada jabatan dalam melaksana semakan/ kajian semula SOP | Semakan/ kajian semula SOP jabatan pada setiap tahun | Pelaksanaan semakan semula ke atas semua dokmentasi OSHMS (SOP) jabatan. Semakan SOP melibatkan semua jabatan MBSP dan jabatan menggunakan SOP MBSP yang standard | Pelancongan , Seni dan Warisan (JPSW) |
| | | | | Mengadakan perbincangan bersama pihak pengurusan bagi penambahbaikan SOP jabatan | Membuat kajian dan semakan semula SOP jabatan sedia ada | Mengadakan sessi taklimat kepada anggota JPK berkaitan Garis Panduan SOP semasa *rollcall* jabatan | Pengurusan Krisis |
| | | | | Integriti + Komuniti | Pelaksanaan sekali setahun | Memupuk budaya integriti bersama komuniti | Unit Pembangunan Lestari |
| | | | | Mengadakan perbincangan antara Pengarah dan kakitangan Jabatan dalam menyemak semula Prosedur Operasi Standard (SOP) yang sedia ada | Menambahbaik Prosedur Operasi Standard (SOP) yang sedia ada | Menyemak semula *Prosedur Operasi Standard* (SOP) yang sedia ada dapat mengurangkan ketirisan dalam ketulusan sesuatu urusan | Direktorat Penguatkuasaan |
| | | | | Menambahbaik SOP sediaada di Jabatan bagi memastikan ketelusan - anti suapan/ sogokan dalam proses kerja | Dua (2) SOP akan dikemaskini dalam setahun | Mewujudkan hasil kerja yang lebih telus dan berintegriti | Landskap |

| KOD STRATEGI | BIDANG KEUTAMAAN | 2023 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PELAN TINDAKAN | | | | | |
| | | OBJEKTIF STRATEGIK | PROGRAM | AKTIVITI | *KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)* | *OUTCOME* | JABATAN PENERAJU |
| **S04 Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam MBSP** | **Tadbir Urus** | **4.1 Memastikan Pengamalan Ketelusan Dalam MBSP** | Memastikan kakitangan jabatan memahami akan konsep rasuah dan integriti | Semua Kakitangan Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa diberi taklimat | Sesi taklimat berkaitan Rasuah dan Integriti diberikan secara berkala (setiap 3 bulan) kepada semua kakitangan Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa | Semua kakitangan Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa memahami konsep rasuah dan integriti | Korporat dan Perhubungan Antarabangsa |
| | | | Mengenalpasti pegawai yang bermasalah dan melaksanakan program kaunseling | Mengenalpasti kakitangan / pegawai MBSP yang mendapat markah 64.99 ke bawah setiap tahun | Sesi intevensi kaunseling kepada kakitangan / pegawai MBSP yang mendapat markah LNPT 64.99 ke bawah | Semua kakitangan / pegawai MBSP berkenaan hadir ke Sesi Intervensi Kaunseling SUKPP dan mendapat manfaat daripada sesi tersebut | Khidmat Pengurusan |
| | | | Mengadakan kursus pengurusan aset dan taklimat pemeriksaan aset kepada pegawai pemeriksa berkaitan aset alih | Taklimat Pengurusan Aset dan stok | Satu (1) kali dalam setahun kepada kakitangan MBSP | Semua kakitangan mematuhi tatacara penyediaan dokumentasi dalam pengurusan aset MBSP | Khidmat Pengurusan |
| | | | Meneliti laporan audit (audit dalaman dan audit luaran) yang dikeluarkan dan mengemukakan isu-isu berkaitan integriti kepada Unit Integriti | UAD mengemukakan isu-isu integriti berdasarkan laporan audit (audit dalam atau audit luaran) | Isu integriti dikemukakan kepada Unit Integriti secara sukuan | Memastikan MBSP mematuhi undang-undang dan peraturan yang diguna pakai/ berkuatkuasa | Unit Audit Dalam |

| KOD STRATEGI | BIDANG KEUTAMAAN | 2023 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PELAN TINDAKAN | | | | | |
| | | OBJEKTIF STRATEGIK | PROGRAM | AKTIVITI | *KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)* | *OUTCOME* | JABATAN PENERAJU |
| **S04 Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam MBSP** | **Tadbir Urus** | **4.2 Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah Di MBSP** | Meningkatkan pemahaman dan penghayatan kepada pegawai bagi memperkukuhkan kepatuhan kepada DKICT | Taklimat kefahaman DKICT kepada kakitangan MBSP akan diberikan | Satu (1) kali setahun | Pematuhan terhadap Dasar Keselamatan ICT MBSP 100% | Teknologi Informasi dan Komunikasi |
| | | | Pematuhan dan Pelaksanaan Arahan Keselamatan | Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan MBSP | Tiga (3) kali setahun | Memastikan peruntukan-peruntukan dalam arahan keselamatan difahami dan dipatuhi oleh semua Pegawai dan Kakitangan MBSP | Khidmat Pengurusan |


SIMPOSIUM
DI TEMPAT YANG DISEDIAKAN
JANGAN BUANG SAMPAH
MERATA-RATA

# KESIMPULAN

Dalam menuju ke arah MBSP Bebas Rasuah, MBSP sentiasa komited untuk memantapkan pengukuhan integriti dan pencegahan rasuah.

Rasuah perlu dibanteras melalui langkah-langkah pencegahan dan punitif yang holistik sama ada melalui Penguatkuasaan Undang-Undang, Pengukuhan Integriti dan Pemantapan Tadbir Urus. Semua aktiviti yang telah dikenal pasti akan dipantau dan dikaji semula secara berkala.

Kejayaan pelaksanaan semua 58 aktiviti dalam tempoh satu (1) tahun bakal menentukan hala tuju baru MBSP dalam penambahbaikan governans, integriti dan antirasuah untuk kelangsungan dan kelestarian pelan ini pada masa hadapan.



# PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada:

**YBhg. Dato Azhar bin Hj Arshad**
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Tuan Hj Baderul Amin bin Abdul Hamid**
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Puan Rosilah binti Abd Rashid**
Pemangku Pengarah Undang-Undang

**Puan Siti Haslinda binti Hasan**
Pengarah Khidmat Pengurusan

**Encik Shahrulnizad bin Abdul Razak**
Pengarah Perbendaharaan

**Tuan Sr. Mat Nasir bin Hassan**
Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta

**Puan TPr. Norliza binti Abdullah**
Pengarah Perancang Bandar

**Cik Noorhanis binti Nordin**
Pengarah Bangunan

**Encik Mohd Syukri bin Said**
Pemangku Pengarah Kejuruteraan

**Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin**
Pengarah Perkhidmatan Perbandaran

**Encik Mohd Ibrahim bin Md Nor**
Pengarah Perkhidmatan Kesihatan

**Encik Nazri bin Abdul Wahab**
Pengarah Direktorat Penguatkuasaan

**Puan Norhayati binti Sulaiman**
Pengarah Kemasyarakatan

**Encik Mohd Faidrol bin Mohd Radzi**
Pengarah Pelesenan

**Encik Wan Junaidy bin Yahaya**
Pengarah Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

**Tuan Sr. Zulhisyam bin Abdul**
Pengarah Pesuruhjaya Bangunan

**Encik Abdul Fikri Ridzauudin bin Abdullah**
Pengarah Teknologi Informasi dan Komunikasi

**Tuan LAr. Shaqhrony**
**bin Md Yusoff @ Jamaludin**
Pengarah Landskap

**Tuan TPr. Mohd Ridzal bin Abdul**
Pengarah Pelancongan, Seni dan Warisan

**Encik Mohammad Aidil bin Samsuri**
Ketua Jabatan Pengurusan Krisis

**Tuan ASP. Amirul Ariff bin Abdul Rahman**
Ketua Bahagian Keselamatan & Komuniti

**Puan Normaira binti Abdul Rahman**
Ketua Unit Pembangunan Lestari

**Puan Asma binti Othman**
Ketua Unit Audit Dalam

**Puan TPr. Nurvanida Alisha binti Sinnappan**
Ketua Unit OSC

# PENGHARGAAN

## KEPADA JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN PELAN ANTIRASUAH MBSP 2023

**Encik Mohd Hairol bin Man**
Ketua Unit Integriti

**Encik Sharul Nizam bin Shazalee**
Penolong Pengarah Kanan (Perkhidmatan)

**Puan Rasidah binti Hashim**
Penolong Pegawai Tadbir

**Puan Rafiza binti Abdul Rahim**
Pembantu Tadbir Kanan

**Encik Jamaludin bin Mat**
Penolong Pegawai Tadbir Kanan
Undang-Undang

**Puan Azimah binti Ismail**
Penolong Pegawai Tadbir Kanan
Khidmat Pengurusan

**Puan Mahanom binti Ahmad**
Penolong Pegawai Tadbir Kanan
Perkhidmatan Perbandaran

**Encik Sofian bin Shaari**
Penolong Pegawai Tadbir Kanan
Pengurusan Krisis

**Puan Siva Shankhiri a/p Munusamy**
Penolong Pegawai Tadbir
Kejuruteraan

**Puan Wan Rosmawati binti Wan Mamat**
Penolong Pegawai Tadbir
Perancang Bandar

**Puan Rohani binti Lebai Hasan**
Penolong Pegawai Tadbir
Perkhidmatan Kesihatan

**Puan Norhayati binti Salleh**
Penolong Pegawai Tadbir
Penilaian dan Pengurusan Harta

**Puan Aida binti Ishak**
Ketua Penolong Akauntan Kanan
Perbendaharaan

**Cik Azliza binti Ishak**
Penolong Pegawai Tadbir
Direktorat Penguatkuasaan

**Puan Nurhidayah binti Mohd Idris**
Penolong Pegawai Tadbir
Kemasyarakatan

**Puan Nor Farah Azira binti Meor Zambri**
Penolong Pegawai Tadbir
Bangunan

**Puan Hasnah binti Shaari**
Penolong Pegawai Tadbir
Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

**Puan Syazwani binti Abdullah**
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Teknologi Informasi dan Komunikasi

**Puan Rozana binti Ahmad Kamal**
Penolong Pegawai Tadbir
Pesuruhjaya Bangunan

**Encik Hasmidi bin Ismail**
Penolong Pegawai Tadbir
Landskap

**Puan Siti Hajar binti Omar**
Penolong Pegawai Senibina
Pelancongan, Seni dan Warisan

**Puan Mazlina binti Abu Hassan**
Penolong Pegawai Tadbir
Keselamatan dan Komuniti

**Puan Norsuhaibah binti Hanbal**
Penolong Pegawai Tadbir
Pembangunan Lestari

**Puan Siti Juhairah binti Muhamad**
Penolong Juruaudit Kanan
Audit Dalam

**Puan Norazlina binti Mohd Yunus**
Penolong Pegawai Senibina
ONE Stop Center

**Puan Norhayati binti Kamarudin**
Penolong Pegawai Tadbir
Pelesenan

# PELAN TINDAKAN PELAN ANTIRASUAH

2023 | MBSP

Menara Bandaraya
Jalan Perda Utama, Bandar Perda,14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang

04 - 549 7555

04 - 538 9700

www.mbsp.gov.my